



SURAT PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 28 TAHUN 2020

PANDUAN PEMBELAJARAN BERTERUSAN UNIVERSITI (PBU)

23 Disember 2020

TUJUAN

Tujuan Panduan ini adalah untuk mengemaskini dan memantapkan kriteria penilaian bagi memenuhi objektif Pembelajaran Berterusan Universiti (PBU) dalam membangun dan meningkatkan kompetensi individu merangkumi aktiviti pengembangan pengetahuan, kemahiran dan sikap serta memahami dan mengaplikasi pengetahuan dan juga kemahiran baharu.

LATAR BELAKANG

2. Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dilaksanakan pada tahun 2002 bertujuan mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian dalam perkhidmatan awam bagi memenuhi keperluan 'stakeholders' dan pelanggan.

3. Pada tahun 2008, JPA telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008 dengan memberi opsyen kepada Universiti untuk memilih kaedah baru penilaian PTK. Pada dasarnya Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008 ini mengekalkan konsep asal PTK walau bagaimanapun dalam aspek penilaian kompetensi, beberapa aspek penilaian kompetensi telah dimantapkan iaitu:-

- a) Pembaharuan Kedah Penilaian – penambahbaikan kaedah sedia ada dan pengenalan kaedah baharu;
- b) Penilaian Menyeluruh – pengurangan pergantungan kepada peperiksaan dan mengambil kira pelaksanaan tugas pegawai;
- c) Fleksibiliti – fleksibiliti dalam penggunaan kaedah/aktiviti penilaian;
- d) Berteraskan Pembangunan – penilaian berteraskan pembangunan/pembuktian kompetensi; dan

- e) Pemantapan Pengurusan – peningkatan komitmen calon dan kecekapan pengurusan.
4. Surat Pekeliling berkenaan juga memberi ruang kepada Universiti untuk memilih satu (1) daripada empat (4) pilihan untuk diterima pakai di Universiti. Senarai pilihan adalah seperti berikut:-
- Mengekalkan kaedah PTK sedia ada; atau
 - Bertukar kepada kaedah Pusat Penilaian Kompetensi (PPK); atau
 - Penilaian Kompetensi Berterusan (PKB/CPD); atau
 - Penilaian Berteraskan Latihan (PBL).
5. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pada 23 Jun 2009 telah bersetuju untuk menerimapakai Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008 dan bersetuju memilih PKB/CPD sebagai kaedah penilaian PTK kepada staf Universiti berkuatkuasa pada Januari 2010. Pelaksanaan PKB/CPD bukan bermaksud PTK dimansuhkan tetapi cara penilaian PTK diubah dan dimantapkan kepada PKB/CPD.
6. Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Kompetensi pada 19 Januari 2010 telah bersetuju menggunakan istilah Pembelajaran Berterusan Universiti (PBU) bagi menggantikan PKB/CPD.
7. Pada tahun 2012, Kerajaan telah memansuhkan PTK, Walau bagaimanapun Program PBU masih diteruskan memandangkan kehadiran ke kursus telah dijadikan KPI (*Key Performance Indicator*) kepada setiap warga kerja kerajaan. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 menyatakan bahawa setiap penjawat sektor awam dikehendaki mengikuti kursus/latihan 42 jam/7 hari setahun.
8. Pekeliling Pendaftar Bilangan 5 Tahun 2016 bertarikh 25 April 2016 – Penangguhan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 - Dasar Berkursus Tujuh (7) Hari Setahun Bagi Anggota Perkhidmatan, telah menyatakan bahawa Universiti telah menangguhkan penguatkuasaan perlaksanaan dasar ini dan menerima pakai cadangan pengurangan jumlah mata untuk komponen latihan. Perinciannya adalah seperti berikut:-

KATEGORI	MATA PBU			PERATUS (%)		
	LATIHAN	ILMU	JUMLAH	LATIHAN	ILMU	JUMLAH
Pentadbiran Gred 1-54	6	12	18	2	3	5
Akademik Gred 41-54	6	12	18	2	3	5

9. Mesyuarat JPU Ke-267, Bilangan 4 Tahun 2020 pada 27 April 2020 telah meluluskan cadangan pindaan Panduan PBU. Perubahan ini adalah untuk memenuhi keperluan berikut:-

- a) Mengemaskini panduan sedia ada yang belum dibuat pindaan setelah lebih 10 tahun digunapakai walau beberapa pekeliling telah dikeluarkan berkaitan dengan PBU;
- b) Mengemaskini dan memantapkan kriteria penilaian untuk memenuhi objektif PBU; dan
- c) Mengeluarkan klausa/komponen yang telah dimansuhkan oleh pekeliling yang dikeluarkan oleh kerajaan dan juga Pendaftar UUM yang masih ada dalam panduan sedia ada.

KONSEP DAN FALSAFAH

10. PBU adalah proses pembelajaran sepanjang hayat untuk membangun dan meningkatkan kompetensi individu di mana kaedah ini telah digunakan oleh badan-badan profesional bagi membangunkan profesion tertentu contohnya Doktor, Arkitek dan Jurutera. Ianya merangkumi aktiviti pengembangan pengetahuan, kemahiran dan sikap serta memahami dan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran baru dalam jawatan masing-masing dan membolehkan staf:

- a) Memahami dan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran baru dalam bidang perjawatan masing-masing;
- b) Menghadapi perubahan dan cabaran dalam pembangunan kerjaya;
- c) Sentiasa menghayati nilai-nilai murni dan sikap positif;
- d) Menyokong pencapaian objektif pembelajaran berterusan; dan
- e) Membangun dan melengkapkan kompetensi setiap staf yang merangkumi dua (2) komponen iaitu generik dan fungsional.

11. Pelaksanaan PBU untuk staf UUM berasaskan kepada kombinasi model yang telah dipraktikkan oleh USM, UPSI, UTeM dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Jabatan Pendaftar telah mengintegrasikan semua inisiatif dan sistem yang sedia ada dan membuat pindaan kepada beberapa aspek tertentu mengikut kesesuaian dan keperluan UUM. Gambarajah Model Bersepadu Pembangunan dan pengurusan Prestasi Staf berasaskan kompetensi adalah ditunjukkan dalam rajah seperti di **LAMPIRAN**.

PELAKSANAAN PBU

12. Untuk melaksanakan PBU, Jabatan Pendaftar telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan kertas dasar dan membuat perubahan/pindaan kepada struktur penilaian sedia ada.

13. PBU melibatkan semua gred dan skim perkhidmatan di UUM. Setiap staf bertanggungjawab untuk merancang dan menyertai aktiviti untuk meningkatkan kompetensi diri masing-masing.

14. Semua staf dalam status tetap dan kontrak perlu mengikuti kursus bersamaan 1 hari (6 jam) dan 12 pertemuan bagi ilmu. Mata kredit minima sebanyak 18 jam yang dikumpul mewakili 5% untuk staf Pentadbiran dan 5% untuk staf akademik bagi Laporan Nilai Prestasi tahunan (LNPT) kecuali bagi gred VK7 ke atas. Keperluan mata minima untuk semua gred adalah seperti berikut:-

a) Staf Pentadbiran

Gred	Komponen Latihan	Pengembangan Ilmu dan Kemahiran	Jumlah
1 - 56	6	12	18

b) Staf Akademik

Gred	Komponen Latihan	Pengembangan Ilmu dan Kemahiran	Jumlah
41 – 54	6	12	18

15. Pengiraan mata kredit minima berdasarkan baki bulan (*pro rate*) pada tahun semasa adalah dibenarkan kepada staf yang layak dinilai untuk LNPT dan terlibat dalam keadaan berikut:-

- a) Staf yang baru melapor diri;
- b) Staf sedia ada tetapi baru melapor diri setelah kembali dari bercuti seperti cuti Sabatikal, *Postdoctoral*, Penempatan Industri dan cuti yang diluluskan oleh Universiti;
- c) Staf yang dipinjamkan ke agensi lain dan balik melapor diri di UUM dan layak untuk dinilai LNPT. Tempoh layak dinilai untuk LNPT adalah tertakluk kepada tempoh enam (6) bulan perkhidmatan pada tahun semasa;

- d) Pengiraan mata kredit minima adalah seperti berikut:-
- i) Mata Latihan;
 - ii) Bulan bertugas (layak untuk LNPT) / 12 bulan x 6 mata;
 - iii) Mata Ilmu; dan
 - iv) Bulan bertugas (layak untuk LNPT) / 12 bulan x 12 mata.

16. Kursus/bengkel dalam kategori wajib untuk tujuan pengesahan jawatan dalam perkhidmatan tidak diambil kira dalam PBU, contoh; Kursus PTM (Program Transformasi Minda), Induksi dan PGDHELT (*Postgraduate Diploma in Higher Education in Learning and Teaching*). Manakala kursus lain yang dihadiri akan diberikan mata latihan berdasarkan tempoh latihan/ kursus tersebut dilaksanakan

17. Rekod permohonan PBU yang dianjurkan oleh PTJ (Pusat Tanggungjawab) atau agensi-agensi luar perlu dikemukakan kepada Unit Latihan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh perlaksanaan dengan mengemukakan/ memuatnaik dokumen berikut secara atas talian melalui sistem **PBU Klik**:-

- a) Surat Jemputan / Hebahan;
- b) Kertas Kerja / Catatan Kelulusan Ketua Jabatan; dan
- c) Aturcara / Tentatif Program.

18. Pegawai Tadbir setiap PTJ berperanan:-

- a) Sebagai Pegawai Pemantau Rekod PBU dan diberi akses dalam sistem PERSIS untuk memantau rekod mata PBU staf di PTJ masing-masing;
- b) Membuat pemantauan berkala untuk keperluan latihan staf dengan mengambilkira cadangan keperluan latihan khas dan umum bagi setiap staf seperti yang dinyatakan dalam Borang Penilaian Prestasi Tahunan; dan
- c) Pemantauan rekod latihan bagi tujuan audit dan keperluan lain.

DESKRIPSI AKTIVITI

19. Semua program yang melibatkan skop tugas yang menjadi tanggungjawab hakiki setiap staf tidak layak mendapat mata PBU (latihan & ilmu). Contoh; Mesyuarat Pemutihan Peperiksaan di Pusat Pengajian, mesyuarat dan taklimat penyelarasan aktiviti peringkat jabatan dan lain-lain.

20. Satu aktiviti tidak boleh dikira untuk dua (2) komponen yang berbeza. Contohnya staf yang mendapat jemputan sebagai penceramah dan telah memohon markah dalam komponen ilmu tidak dibenarkan untuk memuatnaik rekod ini dalam komponen *Referee/Recognition* dalam Penilaian Prestasi.

21. Semua program yang layak mendapat mata PBU telah disetarakan seperti berikut:-

- a) Satu (1) jam aktiviti latihan = satu (1) mata latihan;
- b) Satu (1) program/aktiviti ilmu = satu (1) mata ilmu; dan
- c) program komponen ilmu yang dianjurkan secara bersiri mingguan/bulanan = 0.5 mata

22. Perincian komponen ilmu adalah:-

- a) Aktiviti yang layak mendapat mata ilmu:-

(1) BIL.	(2) AKTIVITI	(3) DESKRIPSI /CATATAN
i	Sesi perkongsian ilmu peringkat PTJ/ Jabatan/ Bahagian yang memberi nilai tambah kepada skop tugas hakiki.	Layak mendapat mata ilmu.
ii	Program penerapan nilai-nilai murni dan ceramah-ceramah khas seperti Ceramah Ramadhan/ Kelas Bimbingan.	
iii	Pertemuan mentor & mente.	

b) Aktiviti yang tidak layak mendapat mata ilmu:-

(1) BIL.	(2) AKTIVITI	(3) DESKRIPSI /CATATAN
i	Tugas-tugas keurusetiaan/ sekretariat	Penglibatan sebagai urusetia untuk menerima lawatan dari pihak luar jabatan/ Universiti. Contoh jabatan A menerima tetamu dari organisasi luar dan diarahkan untuk tugas-tugas keurusetiaan untuk menyambut tetamu, skop tugas berkaitan dengan keurusetiaan/sekretariat tidak layak mendapat mata ilmu.
ii	Viva/ Sesi Mempertahankan Cadangan Penyelidikan/ Pembentangan Laporan Akhir Penyelidikan	Tidak layak mendapat mata ilmu untuk urusetia, Pengerusi/Pemeriksa untuk sesi Viva, Sesi Mempertahankan Cadangan Penyelidikan atau sesi pembentangan laporan penyelidikan.
iii	Mesyuarat/ Perjumpaan/ Taklimat	Skop aktiviti seperti mesyuarat, perjumpaan atau taklimat penyelarasan aktiviti peringkat PTJ.
iv	Aktiviti Rekreasi & Riadah	Tidak layak mendapat mata ilmu.

23. Semua program yang tidak disenaraikan adalah tertakluk kepada syarat umum kelayakan mata PBU seperti dinyatakan dalam perkara 19 hingga 22.

24. Perincian komponen latihan adalah seperti berikut:-

(1) BIL.	(2) AKTIVITI	(3) DESKRIPSI /CATATAN
i	Semua jenis program dalam komponen latihan yang mendapat kelulusan Ketua PTJ	Kursus/ Bengkel/ Seminar/ Persidangan/ Simposium

FORMAT PENGGREDEAN DAN MATA KREDIT

25. Format penggredean dan mata kredit adalah seperti berikut:-

KATEGORI	MATA PBU			PERATUS			KATEGORI PEMARKAHAN
	Latihan	Ilmu	Jum	Latihan	Ilmu	Jum	
Pentadbiran Gred 1-56 & Akademik Gred 41-54	6	12	18	2	3	5%	<u>Mata Latihan</u> Setiap program akan dinilai mata latihan berdasarkan satu (1) jam aktiviti akan mempunyai pemberat 1 mata latihan (tidak termasuk masa rehat, masa makan/masa pendaftaran. (1 jam aktiviti = 1 mata latihan) <u>Mata Ilmu</u> Setiap program mempunyai pemberat 1 mata ilmu. (1 program = 1 mata). Pemberat untuk mata latihan dan ilmu adalah sama bagi aktiviti yang dihadiri sama ada di dalam atau luar negara

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

26. Panduan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2021**.

Sekian, terima kasih dan salam hormat.

‘ILMU BUDI BAKTI’

“KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah



BAHARUDIN BIN YAACOB

Pendaftar

b.p. Naib Canselor

Universiti Utara Malaysia

- s.k. -
- Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
 - Naib Canselor
 - Semua Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU)



Rajah 1: Model Bersepadu Pembangunan dan Pengurusan Prestasi Staf UUM Berasaskan Kompetensi Sumber: Musa Ali (2008), Transformasi Pengurusan Latihan Sektor Awam, Pendekatan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang: Penerbit USM.